

Headline	Isu kuota haji ke Kabinet		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,3	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	292 cm <sup>2</sup>
Journalist	NINA FARZUIN MD SHAROM	AdValue	RM 4,981
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,943



**Nasib jemaah  
haji 1MDB  
ke Kabinet 3**

# Isu kuota haji ke Kabinet

**Benarkan 1,200 calon  
jemaah haji teruskan  
ibadah itu tahun ini  
guna simpanan  
sendiri**

NINA FARZUIN MD SHAROM

KUALA LUMPUR

**M**enteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bersedia membawa rayuan untuk membenarkan 1,200 calon jemaah haji yang dipilih menerusi Program Khas Haji, tajaan Yayasan 1MDB

meneruskan ibadah berkenaan tahun ini menggunakan simpanan sendiri.

Beliau berkata, perkara tersebut akan cuba diusulkan kepada pihak berkenaan untuk dipertimbangkan.

"Maklumat yang saya perolehi, kerajaan memutuskan 1,200 calon ini tidak boleh meneruskan program tersebut kerana pembayarannya adalah daripada sumber haram, jadi tak bolehlah mereka tunaikan ibadat haji daripada sumber berkenaan.

"Tapi sekiranya jaminan diberikan bahawa mereka hanya akan menggunakan simpanan sendiri tanpa dibayai sumber hararam daripada Umno, maka saya bersedia membawa rayuan ini kepada pihak yang berkenaan," katanya ketika ucapan penggulungan ke atas

Perbahanan Titah Diraja, semalam.

Kenyataan itu dibuat apabila Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim membuat rayuan supaya 1,200 calon jemaah haji yang dipilih menerusi Program Khas Haji, tajaan Yayasan 1MDB dapat meneruskan ibadah berkenaan menggunakan simpanan sendiri.

"Saya pohon demi kelangsungan tuntutan Rukun Islam kelima, perkara ini dibawa ke Mesyuarat Kabinet untuk memberi peluang kepada 1,200 calon ini, yang mana mereka mampu keluarkan wang sendiri.

"Untuk pengetahuan menteri, kuota ini bukan sedia ada iaitu 30,250 tapi kuota tambahan khas kepada mereka," katanya.



MOHAMED AZMIN